


Sistem Henti Melahu *(Bersambung)*

Langkah Keselamatan untuk Sistem Henti Melahu

Jangan meninggalkan skuter apabila Penunjuk Henti Melahu berkelip. Jikalau anda meninggalkan skuter, sentiasa putarkan suis penghidup ke posisi  (Off).

► Enjin boleh hidup secara tiba-tiba jika pendikit dibuka.

Enjin Tidak Dimatikan oleh Sistem Henti Melahu Semasa Penunjuk Henti Melahu Menyala:

➡ MS. 116

NOTIS

Membuat hentian sambil menggunakan sistem Henti Melahu untuk masa yang lama boleh menyebabkan penyahcasan bateri untuk sistem hibrid.

Menghidupkan Semula Enjin

Periksa bahawa penunjuk Henti Melahu sedang berkelip, dan kemudian buka pendikit.

- Jika ia tidak berkelip, anda tidak boleh menghidupkan semula enjin dengan sistem Henti Melahu, walaupun anda membuka pendikit.
- Semasa enjin dihentikan oleh sistem Henti Melahu, jika anda menggunakan tongkat tepi, penunjuk Henti Melahu yang berkelip akan terpadam atau berhenti berkelip dan kekal menyala, maka enjin tidak boleh dihidupkan semula walaupun anda membuka pendikit.

Enjin Tidak Hidup Walaupun Pendikit Dibuka:

➡ MS. 116

NOTIS

Lampu hadapan kekal menyala setelah enjin dihentikan oleh sistem Henti Melahu. Bateri untuk sistem hibrid mungkin telah dinyahcas dan anda mungkin tidak dapat menghidupkan semula enjin.